

07 JUL 2001

Mahathir-BN

BN AMBIL PENDEKATAN BARU TANGANI SENTIMEN GENERASI SEKARANG

KUALA LUMPUR, 7 Julai (BERNAMA) -- Barisan Nasional (BN) akan mengambil pendekatan baru berasaskan kerjasama lebih padu dan erat antara parti komponennya untuk menangani sentimen generasi sekarang bagi memastikan BN terus mendapat sokongan rakyat dan menerajui pemerintahan negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata Majlis Tertinggi BN akan merangka garis panduan supaya kesemua 13 pemimpin parti komponen dapat memahami peranan yang harus dimainkan mereka dalam suasana politik sekarang yang menyaksikan sokongan generasi muda terhadap BN makin berkurangan.

Dr Mahathir berkata mulai sekarang mesyuarat BN semua peringkat harus diadakan lebih kerap dan bukan sekali atau dua kali setahun dan parti-parti komponen perlu rapat dan cuba menyelesaikan apa juga masalah secara bersama.

Wakil rakyat BN juga perlu lebih memberi perhatian kepada kaum lain di kawasan masing-masing dan bukan hanya kepada parti atau kaumnya sendiri, katanya dalam ucap-tama pada Konvensyen BN Ke-4 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

"Saya ingin menyeru pemimpin BN supaya bermula daripada sekarang merapatkan diri di antara kita dan menentukan BN berfungsi lebih daripada sebuah parti daripada gabungan parti-parti," kata beliau.

Dr Mahathir berkata itulah pendekatan yang akan diambil untuk mengatasi masalah masyarakat yang sudah berubah dan mereka yang tidak lagi berasa terhutang budi kepada pejuang-pejuang kemerdekaan.

Golongan itu juga tidak terhutang budi kepada kerajaan yang membangunkan negara ini supaya mereka dapat hidup lebih selesa dan lebih baik daripada bangsa-bangsa lain yang mencapai kemerdekaan bersama dengan Malaysia, kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata pada masa sekarang terdapat banyak yang tidak senang hati kerana wakil-wakil rakyat hanya tumpukan kepada kaum sendiri sahaja dan tidak mendengar rintihan kaum lain dan kadang-kadang tidak menghadiri mesyuarat yang diadakan.

"Keadaan ini tidak sihat kepada kita dalam situasi hari ini. Hubungan perlu diperkukuh serta diperkuatkan pada sepanjang masa," katanya.

Beliau berkata penekanan adalah kepada pembentukan bangsa Malaysia kerana BN adalah satu parti yang berkonsepkan satu bangsa Malaysia.

Dr Mahathir berkata pendekatan baru yang mengambil kira realiti sekarang akan menjadikan BN lebih kukuh bagi menangani sentimen generasi sekarang yang hidup dalam keadaan selesa tanpa mengingati perjuangan dan pengorbanan BN dan pemimpin-pemimpin negara.

Katanya masyarakat sekarang terutamanya generasi baru kurang sentimen sayangkan negara atau semangat patriotisme sehingga ada pihak yang sanggup menjadi tali barut bangsa asing bila wujud sesuatu masalah.

"Mereka celik mata dan lihat bangunan pencakar langit di sekeliling mereka. Mereka lihat dunia sekarang berbeza daripada ketika merdeka dan menganggap semua ini terjadi sendiri tanpa usaha.

"Mereka tidak iktiraf kejayaan BN ini...sesetengahnya menganggap mana-mana juga kerajaan boleh membawa kejayaan seperti ini," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam persekitaran yang lebih sukar sekarang, BN perlu membuktikan kemampuannya untuk terus memajukan rakyat dan negara dan bukan mengharap sokongan berdasarkan kejayaannya di masa lampau.

Beliau berkata pembangunan negara belum mencapai tahap yang

dirancang dan BN perlu terus mendapat sokongan rakyat dan berkuasa bagi memastikan Wawasan 2020 dicapai untuk meletakkan negara setaraf dengan negara maju yang lain.

"Kita tidak boleh lagi harapkan sentimen hutang budi sama sekali," katanya.

-- BERNAMA

RV ZAI SHS MAM AKD